

D028

U B834 DEB
PARLIMEN - KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 29 OKT. (BERNAMA) -- TUJUAN PARA PEMIMPIN NEGARA INI MENGHADIRI APA JUA PERSIDANGAN PERINGKAT ANTARABANGSA BUKAN UNTUK Mencari POPULARITI TETAPI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH, KATA TIMBALAN MENTERI LUAR ENCIK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR.

KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU BERKATA, PARA PEMIMPIN NEGARA HANYA MENGHADIRI SESUATU FORUM ANTARABANGSA JIKA IA DIPERCAYAI DAPAT MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH.

KEPUTUSAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGHADIRI MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI NASSAU, BAHAMAS BARU-BARU INI, ADALAH UNTUK MENGGESA PARA ANGGOTA PERTUBUHAN ITU BERSATU DAN MENGGENAKAN TINDAKAN TEGAS TERHADAP DASAR APARTHEID, KATANYA.

SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN ASAL ENCIK TAN KOK HOOI (BN-PAHANG SERAI), BELIAU BERKATA, PERDANA MENTERI BIMBANG MELIHAT PERKEMBANGAN DI AFRIKA SELATAN YANG MENGAMALKAN DASAR ITU DAN BERPENDAPAT JIKA TINDAKAN PEMULAUAN TIDAK DIBUAT, MASALAH ITU AKAN MENJADI SEMAKIN RUNCING. -- LAGI

PARLIMEN - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, UCAPAN PERDANA MENTERI PADA PERSIDANGAN KOMANWEL ITU TELAH MENGHASILKAN REAKSI YANG POSITIF.

KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN WAN MOHD NAJIB MOHAMAD (BN-PASIR PUTEH) TIMBALAN MENTERI LUAR ITU BERKATA, BEBERAPA KEPUTUSAN TEGAS TELAH TERCAPAI PADA MESYUARAT ITU DAN BRITAIN YANG PADA MULANYA BERSIKAP DEGIL TELAH BERTOLAK ANSUR TERHADAP KEPUTUSAN YANG DIAMBIL KE ATAS KERAJAAN KULIT PUTIH AFRIKA SELATAN. -- BERNAMA.
1909MST 29 10 85